

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 18 JULAI 2013, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 16

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1311-L54970
Tuan Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah perancangan Kerajaan bagi menyelaraskan urus tadbir kutipan dan agihan Zakat di negara ini dan apakah peranan International Zakat Organisation (IZO) selama ini.
2. PR-1311-L53941
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan kesahihan maklumat yang mengatakan sisa pembuangan radioaktif oleh Kilang Lynas Kuantan akan dikitar semula menjadi baja, gypsum dan juga bahan binaan jalan.
3. PR-1311-L53625
Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramaikah usahawan atau bakal usahawan di negeri Sabah yang telah menerima manfaat dari Permodalan Usahawan Bumiputera Berhad melalui beberapa programnya seperti Skim Prosper Pemborong, Prosper Runcit, Prosper Siswazah, Francise, Teraju dan sebagainya.
4. PR-1311-L54697
Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik terperinci peserta program Talent Corp bagi tahun 2011, 2012, 2013 mengikut umur, jantina, bangsa, dan negara. Berapakah kos operasi Talent Corp dan berapakah peruntukan Kerajaan yang diberikan untuk tahun 2011, 2012 dan 2013.
5. PR-1311-L54957
Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah perbelanjaan Kementerian dalam menyediakan subsidi barangan keperluan pengguna berikutan penyeragaman harga beberapa barangan keperluan terpilih antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

6. PR-1311-L53465
Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah hasil siasatan oleh pihak Kementerian pada tahun 2009 tentang keruntuhan bumbung Stadium Sultan Mizan dan siapakah pihak yang bertanggungjawab atas tragedi keruntuhan tersebut.
7. PR-1311-L54886
Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah pihak Kementerian bercadang untuk menimbang semula supaya dimansuhkan sumbangan 10% dalam kos penyelenggaraan kepada Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia TP1M.
8. PR-1311-L54144
Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah substantif Kerajaan dalam memastikan peningkatan kadar tenaga buruh wanita dalam pasaran pekerjaan di negara ini.
9. PR-1311-L53675
Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jaminan, persoalan haluan kerja anggota PDRM berpangkat Inspektor hingga ke DSP ini akan di terima pakai oleh JPA kerana sehingga hari ini banyak tuntutan di tolak oleh JPA. Bolehkah pihak JPA memberi alasan penolakan tersebut berserta alasan.
10. PR-1311-L53797
Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan yang akan dilakukan terhadap bekas tapak pembinaan Universiti Teknologi MARA di Kuala Lipis setelah ia dipindahkan ke Raub.
11. PR-1311-L54920
Puan Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilakah National Insurance akan diperkenalkan melalui caruman SOCSO.
12. PR-1311-L54290
Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meneruskan rancangan untuk mewujudkan 1Care, suatu skim caruman kesihatan.
13. PR-1311-L54773
Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian mempunyai pelan yang komprehensif untuk menangani rungutan rakyat terhadap tekanan air terawat yang sangat rendah khususnya di kawasan luar bandar.

14. PR-1311-L54542
Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan maklum balas terhadap permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membayar RM10 juta setahun kepada Rapid Penang untuk menyediakan perkhidmatan bas percuma pada waktu puncak bagi mengatasi masalah kesesakan di negeri tersebut. Jika diterima, bila pelaksanaan dan jika tidak, mengapa.
15. PR-1311-L54072
Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) apakah syarat-syarat terlalu ketat yang dikenakan oleh Negara China untuk mengeksport nanas segar ke negara itu walaupun permintaan tinggi dari negara tersebut; dan
 - (b) bilakah isu pengeksportan nanas segar ke Negara China dapat diselesaikan.
16. PR-1311-L54495
Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan hutang negara dan aliran keluar dana negara sebagai wang panas yang begitu tinggi seperti dilaporkan oleh Global Financial Integrity (GFI).
17. PR-1311-L53498
Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada kesemua majikan di negara ini telah melaksanakan gaji minima. Apakah kesan kenaikan gaji minima ini ke atas pengambilan pekerja asing.
18. PR-1311-L53044
Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sikap rasmi Kerajaan dalam isu menangani konflik agama di negara ini.
19. PR-1311-L53256
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
- (a) adakah kajian pembinaan Trans Borneo sudah dimulakan, jika sudah dan bilakah "*kick off*" projek mega yang sangat penting kepada penduduk Sarawak dan Sabah akan dimulakan; dan
 - (b) adakah pihak Kementerian dapat mempertimbangkan pembinaan jalan raya "*dual carriage*" Miri-Sibuti-Samalaju-Bintulu dapat diberi perhatian serta jalan penghubungan antara Sabah dan Sarawak tanpa melalui Brunei.

20. PR-1311-L53789
Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menyediakan peluang pemasaran dengan kos rendah bagi para petani.
21. PR-1311-L53345
Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah keselamatan yang diambil untuk mencegah bahan makanan yang mengandungi bahan kimia yang toksik (seperti bahan asid Maleik yang berlaku di Taiwan), diseludup masuk ke negara kita sehingga menjejaskan kesihatan rakyat negara kita.
22. PR-1311-L54431
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah secara teliti dan sasaran-sasaran dengan memberikan statistik dalam usaha Kerajaan mengurangkan defisit bajet, mengurangkan hutang Negara dan mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan.
23. PR-1311-L53211
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rating penonton yang menonton program siaran langsung 30 Minit Sidang Mesyuarat Parlimen Malaysia pada jam 10 pagi di saluran TV1 sejak diperkenalkan pada tahun 2008 dan berapa kos yang telah dibelanjakan.
24. PR-1311-L53591
Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini mengenai proses pengesahan (accession) Statute Rom Mahkamah Jenayah Antarabangsa (Rome Statute of the International Criminal Court).
25. PR-1311-L54606
Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) status terkini bot ambulans yang disediakan untuk penduduk Langkawi; dan
 - (b) sekiranya berlaku kerosakan dan tidak dapat dibaiki, bolehkah Kementerian menyediakan bot ambulans yang lain yang lebih kecil dan lebih ekonomi.
26. PR-1311-L53259
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan pencapaian peratusan terkini tentang pelepasan karbon dioksida di Malaysia. Adakah kita dapat mencapai 40% per kapita GDP menjelang tahun 2020 sepertimana yang dikomited oleh YAB Perdana Menteri di Copenhagen pada tahun 2009.

27. PR-1311-L53199
Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap Koperasi Usahawan Ilham Baru Kuala Lumpur Berhad yang melancarkan skim khairat kematian dengan menyalahi Akta Koperasi 1993 dan adakah ahli-ahlinya dapat menuntut balik dana skim yang telah dibayar kepada koperasi tersebut.
28. PR-1311-L53961
Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan membatalkan kontrak 1BestariNet yang diberikan secara monopoli kepada YTL Communications. Bukankah ia bertentangan dengan hasrat Program Transformasi Negara dalam meningkatkan daya saing pihak swasta.
29. PR-1311-L54093
Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana keberkesanan polisi Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan dari segi peningkatan mutu sistem penyampaian (delivery system).
30. PR-1311-L53369
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pihak Jabatan Perdana Menteri akan meluluskan permohonan daripada Ahli Parlimen Pembangkang untuk mendapat dana daripada Peruntukan Khas Kawasan dan bagaimana caranya untuk memohon peruntukan tersebut.
31. PR-1311-L53631
Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Haji Musa [Ketereh] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana kejayaan dicapai oleh Jawatankuasa Khas yang dibentuk mengenai bayaran royalti hasil minyak yang telah diwujudkan oleh Kerajaan Pusat baru-baru ini dan bilakah jawatankuasa ini dikehendaki membuat perakuan kepada pihak Kerajaan.
32. PR-1311-L54325
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kementerian menjustifikasikan pemberian kelulusan lebuhraya-lebuhraya baru sebelum PRU-13 yang bakal dilaksanakan secara model pengswastaan (bertol) seperti Lebuhraya Pantai Barat dan East Valley Expressway yang konsesinya memerlukan pinjaman sokongan Kerajaan (government soft loan) yang bernilai ratusan juta ringgit dengan kadar faedah yang rendah dari pinjaman komersial.
33. PR-1311-L53538
Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-
- (a) Syarikat-syarikat Telco di Malaysia kini dilihat mengambil kesempatan dengan mengaut keuntungan melalui lebih pembelian data plan tanpa pengguna menyedarinya, sejauh manakah peranan dan penglibatan Kementerian dalam memantau kes ini; dan

- (b) adakah Kementerian boleh mencadangkan kepada syarikat-syarikat Telco supaya dihapuskan tempoh sah penggunaannya.
34. PR-1311-L53492
Tuan Seah Leong Peng [Telok Intan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah warganegara asing yang telah diberi status warganegara Malaysia dan berapakah jumlah mereka ini yang boleh mengundi.
35. PR-1311-L53893
Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha berterusan yang telah dirancang dan dilaksanakan untuk membantu belia dan beliawanis luar bandar dan pedalaman menerima impak menerusi program-program yang dijalankan. Perkara ini penting agar belia luar bandar dan pedalaman memiliki persediaan yang mencukupi untuk berhadapan dengan suasana yang semakin mencabar pada masa akan datang.
36. PR-1311-L53130
Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai syarikat pembekal dakwat kekal kepada SPR semasa Pilihan raya Umum Ke -13 lalu.
37. PR-1311-L54906
Dato' Ar. Wan Mohammad Khairil Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian akan menggubal serta menambahbaik mutu serta kualiti sekolah memandu dan pemandu-pemandu di negara ini dalam usaha mengurangkan kadar kemalangan di negara ini. Berikan bilangan sekolah memandu di seluruh negara yang beroperasi masa kini.
38. PR-1311-L53073
Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan Pusat bercadang membenarkan Kerajaan-Kerajaan Negeri melantik Penasihat Undang-Undang Negeri tersendiri bagi mengelakkan percanggahan kepentingan (conflict of interest) terutama apabila berlakunya sesuatu tuntutan Mahkamah antara Kerajaan Negeri terhadap Kerajaan Persekutuan atau sebaliknya.
39. PR-1311-L54913
Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Klinik Desa Long Pana, Tinjar akan tersenarai dalam projek Rancangan Malaysia semasa.
40. PR-1311-L54685
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apa sebab kejatuhan kedudukan Malaysia di Trends in Mathematics and Science Study (TIMSS) dalam tahun 2012.

41. PR-1311-L54897
Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapa urusan yang melibatkan hak milik strata terjejas akibat tunggakan cukai tanah yang masih belum diselesaikan.
42. PR-1311-L53426
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menyekat dan membendung perasaan, kenyataan dan tindakan berbau perkauman dan sentimen agama yang semakin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini oleh pelbagai parti politik, NGO dan orang ramai yang membahayakan perpaduan dan keharmonian rakyat.
43. PR-1311-L54769
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sama ada sudah dikenalpasti di mana letak duduknya Permanent Disposal Facility (PDF) buat kegunaan membuang sisa toxic dan radioaktif dari logi kilang Lynas di Gebeng.
44. PR-1311-L54436
Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan dengan seberapa jelas yang boleh apakah program-program yang telah disediakan daripada Kementerian untuk kemajuan dan pembangunan luar bandar di Kawasan P.180 Keningau supaya kita boleh turut serta untuk membantu melaksanakan program-program itu dengan secepat mungkin.
45. PR-1311-L55017
Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk membaik pulih dan mengatasi masalah keketekan muaramuara di seluruh negara terutamanya di Pantai Timur bagi menjamin keselamatan bot-bot nelayan yang keluar masuk melalui muara ini.
46. PR-1311-L54936
Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [Lumut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tujuan Jabatan Perangkaan Negara melaksanakan audit di premis guaman tempatan yang beroperasi khususnya di kawasan Parlimen Lumut dan amnya di seluruh negara. Kehadiran mereka dikatakan telah mengganggu perjalanan operasi pejabat guaman berkenaan.
47. PR-1311-L54951
Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapa panjangkah lagi jalan-jalan luar bandar di Sabah yang perlu dinaik taraf dan berapakah peruntukan yang diperlukan untuk tujuan itu.

48. PR-1311-L55041
Tuan Rozman Isli [Labuan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan Program Pemeriksaan Kesihatan secara percuma kepada semua kakitangan Perkhidmatan Awam bagi menentukan tahap kesihatan yang sihat untuk semua kakitangan awam setiap 2 tahun sekali seperti mana yang telah diperkenalkan kepada anggota Angkatan Tentera Malaysia.
49. PR-1311-L55021
Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah serta usaha Kementerian untuk mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersepadu (Unified Examinations Certificate - UEC), yang dikeluarkan oleh Sekolah Bebas Cina, yang sudah diterima di peringkat global.
50. PR-1311-L55042
Tan Sri William Mawan Ikom [Saratok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan yang lebih berkesan untuk membantu menyegerakan permohonan kewarganegaraan di negeri Sarawak memandangkan kadar pengeluaran kad pengenalan di Sarawak jauh berbeza dengan Sabah.
51. PR-1311-L54125
Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) keluasan tanah peneroka FELDA yang telah dicagarkan ke Institusi Kewangan; dan
 - (b) jumlah peneroka yang tanah-tanah mereka yang terlibat.
52. PR-1311-L53982
Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana keberkesanan sistem biometrik di dalam pengesahan pendatang asing dan apakah tindakan pihak Kerajaan untuk mengawal peningkatan pendatang asing tanpa izin (PATI).
53. PR-1311-L53809
Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sebab kenapa kedudukan Malaysia dalam 'World Competitiveness Ranking 2013 telah jatuh dari tempat 14 ke 15 dan sama ada ini menunjukkan kegagalan Program Transformasi Ekonomi untuk meningkatkan daya saing negara kita.
54. PR-1311-L53595
Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perancangan Kementerian untuk meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan bagi nelayan di Getting, Tumpat.

55. PR-1311-L53423
Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah langkah-langkah yang telah diambil selama ini untuk mengatasi masalah miskin tegar di negara ini telah mencapai sasarannya, dan jika belum dicapai apakah tindakan susulan untuk mencapainya.
56. PR-1311-L54849
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kedudukan terkini penghasilan makanan dalam negara dan jumlah nilai import makanan setiap tahun sepanjang 10 tahun kebelakangan ini.
57. PR-1311-L54854
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada boleh ataupun tidak satu balai polis dibina dan/atau dibuka di Taman Equine, Seri Kembangan dan sekiranya tidak boleh, kenapa.
58. PR-1311-L53911
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rancangan Kerajaan Persekutuan membanteras kegiatan judi haram secara online melalui jalur lebar yang semakin serius di Sibu dan di semua bandar utama di Sarawak.
59. PR-1311-L54593
Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesemua bayaran yang perlu ditanggung oleh pengusaha teksi untuk mendapatkan permit teksi individu seperti yang diumumkan pada 24 Mac 2013. Nyatakan perbandingan kesemua bayaran ini dengan bayaran di bawah sistem permit kepada syarikat.
60. PR-1311-L53655
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tempoh untuk pengiktirafan kesatuan yang mengambil masa yang terlalu lama sehingga bertahun-tahun dan ini akan menimbulkan masalah pekerja ditindas oleh pihak majikan.
61. PR-1311-L53442
Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pembinaan sekolah di kawasan U10 Shah Alam serta berapakah nilai kontraknya dan jumlah bilik darjahnya.
62. PR-1311-L53825
Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah SPRM telah menyiasat pendedahan Nielsen Media Research bahawa Barisan Nasional dan Pejabat Perdana Menteri telah membelanjakan RM73 juta hanya untuk pengiklanan bagi kempen Pilihan Raya Umum ke- 13 yang lalu.

63. PR-1311-L54213
Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bila Kerajaan akan pastikan Ketua Menteri Sarawak dan Sabah akan disiasat oleh SPRM dan agensi lain dan didakwa untuk amalan rasuah dan perpindahan wang haram.
64. PR-1311-L53329
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan status semasa Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) sebagai mercu tanda komitmen Kerajaan terhadap pelaksanaan konsep Kerjasama Selatan-Selatan, peruntukan yang telah digunakan dan impak pelaksanaan program ini di negara-negara membangun yang terlibat.
65. PR-1311-L54815
Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan agenda manifesto peruntukan khas kepada sekolah. Berapakah jumlah yang diperuntukkan. Adakah peruntukan untuk sekolah di Sabah diberi berdasarkan tahap literasi yang rendah, bilangan sekolah mubaligh yang tinggi atau sebagainya. Ini penting kerana Sabah adalah penyumbang terbesar kepada kejayaan BN.
66. PR-1311-L54229
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa hari keputeraan Yang di-Pertuan Agong jatuh pada hari Sabtu minggu pertama pada bulan Jun setiap tahun dengan itu menafikan cuti umum di negara ini.
67. PR-1311-L53304
Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kesan-kesan penurunan harga kereta ke atas kos subsidi bahan api, pembinaan dan penaiktarafan jalan raya demi mengatasi kesesakan lalu lintas, mengatasi pencemaran alam sekitar dan masalah-masalah lain yang berkaitan.
68. PR-1311-L54106
Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pampasan yang diberi kepada MCA Hulu Langat kerana mengambil tanah bangunan mereka untuk projek MRT.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. Perdana Menteri akan mencadangkan :-

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 76, Dewan ini melantik sebuah Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Parlimen Ketiga Belas yang mengandungi seorang Pengerusi dan 6 orang Ahli Jawatankuasa seperti berikut:

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Pengerusi)
2. Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan
3. Yang Berhormat Datuk Seri Palanivel A/L K. Govindasamy, Ahli Parlimen Cameron Highlands, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar
4. Yang Berhormat Datuk Joseph Entulu Anak Belaun, Ahli Parlimen Selangau, Menteri di Jabatan Perdana Menteri
5. Yang Berhormat Dato' Sri Liow Tiong Lai, Ahli Parlimen Bentong
6. Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Ketua Pembangkang
7. Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, Ahli Parlimen Gelang Patah.”

2. Perdana Menteri akan mencadangkan :-

“Bahawa Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, Ahli Parlimen Pulaui dan Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Ahli Parlimen Kepong masing-masing dipilih sebagai Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi Parlimen Ketiga Belas.”

3. Menteri Kewangan akan mencadangkan :-

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh Seksyen 11 subseksyen 2 Akta Kastam 1967 supaya Perintah Duti Kastam berikut dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bil. ST. 34, ST. 35 dan ST. 36 tahun 2013 disahkan”.

4. Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong) akan mencadangkan:

“Bahawa YB Simpang Renggam telah berucap dalam Dewan Rakyat lebih kurang pada pukul 6.00 petang, Selasa 2 Julai 2013 dengan lemparan tuduhan, antara yang lain, yang mengaitkan YB Permatang Pauh dengan simpanan akaun-akaun di Israeli National Bank.

2. YB Simpang Renggam juga mengatakan sumbernya adalah berdasarkan siaran *WikiLeaks*, malah beliau juga mempersendakan YB Batu sebagai jahil kerana tidak melayari laman web (*WikiLeaks*).

3. Sebagai seorang yang berpengalaman dalam bidang Internet dan kandungan Internet, saya Wakil Jelutong mendapati hujah YB Simpang Renggam adalah bertujuan *mengelirukan Dewan* dan kelakuan tersebut boleh disifatkan *menghina Dewan dan Ahli-ahlinya*, dan beliau wajar dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi kesalahan tersebut dengan berdasarkan sebab-sebab seperti berikut:

A. Tuduhan terhadap YB Permatang Pauh yang kononnya berdasarkan *WikiLeaks*

- a. Adalah dimaklumkan bahawa *WikiLeaks* serta kandungan *WikiLeaks* adalah maklumat domain awam (public domain information) yang (i) dipapar secara terang dan langsung; (ii) mudah dan sedia dirujuk orang ramai; dan (iii) kandungan laman webnya tiada banyak pindaan dan sekiranya pindaan dibuat ia akan hanya dilakukan mengikut etika kandungan laman web supaya dianggap sebagai sumber maklumat domain awam yang layak dipercayai.
- b. Portal dan kandungan *WikiLeaks* adalah disiaraya pada www.wikileaks.org.
- c. Semua pendedahan *WikiLeaks* mengenai hal-ehwal Malaysia adalah disiaraya pada <http://wikileaks.org/wiki/Category:Malaysia>. (LAMPIRAN 1)
- d. Akan tetapi, dengan berdasarkan maklumat dalam Lampiran 1, amat jelas sebarang tuduhan terhadap YB Permatang Pauh bersabit simpanan wang di Israeli National Bank dengan bersumberkan *WikiLeaks* adalah tidak berdasar sama sekali.

B. Sumber-sumber palsu digunakan dalam Dewan bertujuan untuk mengeliru (*to mislead and deemed to be in contempt of the House*)

- a. Sehubungan itu, adalah didapati hujah-hujah pokok yang digunakan oleh YB Simpang Renggam adalah lebih berdasarkan tulisan-tulisan dalam Blog Tanpa Nama (*Anonymous Blogs*) yang tidak layak dipercayai dari segi definisi maklumat domain awam.
- b. Sebagai contoh, Blog Tanpa Nama sedemikian rupa adalah seperti berikut:
 - i. LAMPIRAN 2: Tarikh Siaran 12 Jun 2013:
<http://pengundisetiasungairapat.blogspot.com/2012/06/wikileaks-bongkar-dimana-duit-rasuah.html>

- ii. LAMPIRAN 3: Tarikh Siaran 24 Februari 2013:
<http://theunspinnners.blogspot.com/2013/02/simpanan-di-bank-israel-lebih-2-tahun.html>
 - c. Adalah didapati semua nombor akaun bank luar negeri milik YB Permatang Pauh yang dikutip dan dihujahkan dalam Dewan adalah seratus peratus berdasarkan Blog-blog Tanpa Nama yang tersebut dalam LAMPIRAN 2 dan 3.
 - d. Adalah juga didapati bahawa TIADA sebarang pendedahan yang sama mengenai akaun-akaun luar negeri milik YB Permatang Pauh seperti yang dihujahkan YB Simpang Renggam boleh diperolehi dalam portal *WikiLeaks* seperti yang disertakan dalam LAMPIRAN 1.
4. Oleh yang demikian, saya didapati YB Simpang Renggam telah melanggar Peraturan-Peraturan Mesyuarat No. 36(12) yang berbunyi dalam Bahasa Inggeris, dengan izin *"Any member who imputes statements that mislead the House is deemed to be in contempt of the House and the member may be referred to the Committee of Privileges for the offence."*
5. Dengan itu, demi Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan No.80 dan 80A, saya pohon supaya usul saya terhadap YB Simpang Renggam dapat diselenggarakan dengan secepat mungkin."
5. PR-1311-U53624
Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa adalah menjadi pengetahuan umum bahawa ramai warga asing di negeri Sabah telah diberikan kewarganegaraan dengan berstatuskan Bumiputera di negeri Sabah, dengan pemberian kad pengenalan Malaysia. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, dalam pendengaran awam Suruhanjaya Siasatan DiRaja bagi menangani masalah pemberian kad pengenalan Malaysia kepada warga asing, beberapa orang saksi telah memberikan keterangan bahawa memang terdapat usaha beberapa individu untuk memberikan warga asing kad pengenalan Malaysia dan seterusnya mendaftarkan mereka sebagai pemilih. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, dalam pendengaran awam Suruhanjaya Siasatan DiRaja, Suruhanjaya juga diberitahu bahawa terdapat juga individu yang mengambil kesempatan untuk menjual kad pengenalan kepada warga asing. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, dikhabarkan bahawa jumlah warga asing yang telah diberikan kerakyatan telah melebihi tiga kali ganda jumlah penduduk asal negeri ini. Dan Dewan ini juga mengambil maklum bahawa kehadiran "warganegara Malaysia baru ini" telah banyak menimbulkan masalah sosial, kesihatan, ekonomi dan keselamatan. Maka, bagi menangani masalah ini, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, gerakan penukaran kad pengenalan baru haruslah dijalankan di negeri Sabah dan setiap permohonan kad pengenalan baru ini hendaklah disokong dengan sijil kelahiran pemohon dan juga ibu bapa pemohon.

Dewan ini juga haruslah memutuskan bahawa latar belakang pemohon yang menggunakan sijil pendaftaran lewat kelahiran atau surat akuan hendaklah diteliti rapi agar tidak terdapat unsur-unsur penipuan pendaftaran. Abjad "H" dan angka "12" juga haruslah dimasukkan dalam kad pengenalan yang dikeluarkan bag rakyat Sabah."

(Menteri Dalam Negeri)

6. PR-1311-U53641

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

" Dewan ini mengambil maklum bahawa, sebagaimana yang telah diumumkan oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, satu gerakan persempadanan semula kawasan pilihan raya di seluruh negara akan dijalankan dalam tempoh terdekat. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa pada masa ini daripada 222 kerusi Parlimen yang ada, hanya 56 kerusi sahaja diperuntukkan bagi Negeri-negeri Borneo (Sarawak 31 dan Sabah 25) dan selebihnya 166 kerusi diperuntukkan kepada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa tanah Semenanjung Malaysia berkeluasan seluas 131,598 kilometer persegi diperuntukkan sebanyak 166 kerusi (75%) sementara Sarawak dan Sabah dengan keluasan 198,081 kilometer persegi hanya diperuntukkan hanya 56 kerusi(25%). Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa dengan kedudukan geografi dan bentuk muka bumi negeri Sarawak dan Sabah, pengurusan dan pentadbiran di kedua-dua negeri ini agak terbantut, sama ada dari segi suara di Parlimen mahu pun dana yang diperoleh melalui Ahli Parlimen. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa bersandarkan kepada polisi dan semangat Perjanjian Malaysia, Negeri Borneo ini (Sarawak dan Sabah) hendaklah memiliki 1/3 atau sekurang-kurangnya 77 kerusi Parlimen. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa dalam gerakan persempadanan semula kawasan pilihan raya yang bakal dijalankan nanti, Negeri Sarawak dan Sabah hendaklah diperuntukkan 1/3 kerusi Parlimen yang bakal dibentuk kelak."

(Perdana Menteri)

7. PR-1311-U53665

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa, bahasa memainkan peranan penting dalam berkomunikasi sama ada, ketika belajar, ketika bekerja atau ketika beriadah. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, bahawa kebolehan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa membolehkan rakyat Malaysia berinteraksi dengan baik sama ada dalam negara mahu pun di peringkat global. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, dalam merangka pelan pendidikan negara, Kerajaan hendaklah mewajibkan semua murid di Sekolah Jenis Kebangsaan mengambil mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Inggeris sebagai mata pelajaran wajib sementara di sekolah kebangsaan pula, murid hendaklah mengambil mata pelajaran bahasa pilihan, sama ada bahasa ibunda, Tamil, cina dan lain-lain bahasa."

(Menteri Pendidikan)

8. PR-1311-U53673

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa, isu Borneonisasi amat dekat di hati rakyat Negeri Sabah dan Sarawak. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, bahawa rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak juga ingin untuk menyumbang dalam pembangunan negara. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, Rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak amat bersyukur kerana telah diberikan banyak peluang dalam menjawat jawatan persekutuan di kedua-dua negeri ini. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, masih terdapat banyak ruang di mana rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak dapat diberikan peluang untuk berkhidmat dan menyumbang kepada pembangunan negara dalam syarikat berkaitan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak haruslah diberikan peluang untuk berkhidmat dalam syarikat berkaitan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan."

(Perdana Menteri)

9. PR-1311-U53606

Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Rakyat ini mengambil maklum bahawa kebelakangan ini beberapa orang yang telah ditangkap dan ditahan di lokap untuk penyiasatan selanjutnya mati di lokap Polis dan ia adalah di bawah bidang kuasa Polis. Pada masa sekarang pihak Polis sendiri menyiasat salah guna kuasa mereka sendiri ini tidak membawa sebarang keyakinan kepada rakyat. Suatu Badan Kuasa Bebas perlu ditubuhkan seperti yang telah disyorkan supaya siasatan bebas terhadap pihak Polis boleh dilaksanakan. Badan yang dicadangkan adalah "Independent Police Complaints And Misconduct Commission (IPCMC)". Bahawa Dewan ini mengarahkan Kementerian Dalam Negeri melaksanakan dan menubuhkan "Independent Police Complaints And Misconduct Commission (IPCMC)" dengan segera".

(Perdana Menteri)

10. PR-1311-U53671

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan dasar dan langkah-langkah yang sentiasa diambil untuk menjaga keutuhan negara Malaysia."

(Menteri Dalam Negeri)

11. PR-1311-U53672
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memperdebatkan keadaan jenayah secara menyeluruh di negara ini."

(Menteri Dalam Negeri)
12. PR-1311-U53434
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Rakyat bersetuju supaya pilihan raya Kerajaan tempatan dipulihkan semula di seluruh negara termasuk pilihan raya Kerajaan Tempatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi menggantikan sistem lantikan Datuk Bandar dan Ahli-ahli Majlis kerana ia lebih berkesan untuk mewujudkan pentadbiran Kerajaan Tempatan yang adil, cekap dan akauntabiliti berbanding sistem sekarang."

(Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan)
13. PR-1311-U54335
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini mengambil tindakan terhadap Pengerusi dan Timbalan Pengerusi serta anggota Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) yang telah melakukan penipuan dalam PRU-13 dengan menggunakan dakwat kekal yang tidak kekal dan menjadikan PRU-13 sebagai tidak bersih."

(Perdana Menteri)
14. PR-1311-U54336
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memansuhkan dan membatalkan pelaksanaan dan operasi AES yang jelas hanya menguntungkan syarikat konsesi dan tidak menyelesaikan serta tidak mengurangkan kadar kemalangan di Malaysia. "

(Menteri Pengangkutan)

15. PR-1311-U54337

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memansuhkan dan membatalkan pinjaman pendidikan PTPTN dan menyediakan pendidikan tinggi yang percuma untuk rakyat Malaysia. Pemansuhan PTPTN akan mengelakkan masyarakat Malaysia daripada beban hutang yang berpanjangan."

(Menteri Pendidikan)

16. PR-1311-U54338

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memastikan Rang Undang - Undang GST mesti ditolak, kerana GST akan menambah beban hidup rakyat. Pelaksanaan GST nanti adalah satu kezaliman pada rakyat Malaysia yang majoritinya berpendapatan rendah dan sederhana."

(Menteri Kewangan)

17. PR-1311-U54339

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini mengutuk sekerasnya kenyataan-kenyataan berbau perkauman yang dikeluarkan oleh pimpinan parti politik dan media perkauman UMNO/BN seperti menyatakan keputusan PRU-13 adalah tsunami politik Cina dan 'apa lagi cina mau' adalah sesuatu yang tidak boleh diterima dan bertentangan dengan amalan demokrasi."

(Perdana Menteri)

18. PR-1311-U54341

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini meminta Kerajaan menurunkan harga minyak RON95 dari RM1.90 kepada RM 1.40 bagi meringankan bebanan hidup rakyat dan membolehkan lebih pendapatan dalam poket serta mewujudkan pendapatan boleh guna rakyat."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan)

19. PR-1311-U53963

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] akan mencadangkan:-

"bahawa Dewan mempertimbangkan cadangan Malaysian Association of Foreign Maid Agencies (PAPA) untuk menaikkan fi pengambilan pekerja kepada RM6700 oleh majikan dan RM1800 oleh pekerja domestik. Memorandum Persefahaman (MOU) yang ditandatangani Kerajaan Malaysia-Indonesia, yang menetapkan fi tetap pada RM4,511; RM2,711 dibayar oleh majikan dan RM1,800 oleh pekerja domestik jelas menunjukkan agensi pekerjaan mengaut keuntungan yang tinggi melalui pemerdagangan ini. Ia akan membawa kepada tangga gaji yang rendah kepada pekerja domestik untuk sekurang-kurangnya 6-9 bulan. Ianya jua bercanggah dengan Akta Pekerjaan (Artikel 24-8) yang menghalang majikan menolak gaji sehingga 50%. Ia juga bercanggah dengan Prosedur Operasi Piawai (Standard Operating Procedure) di bawah Akta Anti-Pemerdagangan Manusia di mana sekiranya gaji tidak dibayar untuk tiga bulan atau lebih, maka majikan boleh didakwa kerana eksploitasi."

(Menteri Sumber Manusia)

20. PR-1311-U53965

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] akan mencadangkan:-

"bahawa Dewan ini mendesak agar segala projek pembangunan yang dibina di kawasan Bukit Gasing dihentikan agar hakisan tanah dan penduduk di kawasan pinggir bukit tidak hidup dalam ketakutan setiap kali hujan turun."

(Menteri Wilayah Persekutuan)

21. PR-1311-U54604

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan mempertimbangkan cadangan untuk membenarkan keluarga mangsa yang mati dalam tahanan Polis Diraja Malaysia, memperoleh pakar perubatan forensik sendiri bagi menjalankan bedah siasat."

(Menteri Dalam Negeri)

22. PR-1311-U54605

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pendidikan agama diperkenalkan di sekolah kepada pelajar bukan Islam sebagai langkah untuk menerapkan nilai-nilai murni dan keagamaan di kalangan pelajar bukan Islam di dalam membendung gejala sosial yang kian meningkat dan berleluasa akibat daripada kegagalan sistem pendidikan di Malaysia."

(Menteri Pendidikan)

23. PR-1311-U55044

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini mengecam Menteri Dalam Negeri, YB Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi untuk artikel "Hijrah ke negara republik jika enggan terima sistem negara" di dalam Utusan Malaysia pada 16 Mei 2013, kerana bukan sahaja menunjukkan keangkuhan dan penghinaan terhadap pendapat umum tetapi juga untuk seorang Menteri menyuruh rakyat Malaysia yang tidak suka dengan sistem Pilihan raya negara keluar meninggalkan negara adalah bertentangan dengan dasar 1Malaysia Perdana Menteri dan matlamat beliau untuk menjadikan Malaysia "demokrasi terbaik dunia".

(Menteri Dalam Negeri)

24. PR-1311-U55043

Tuan Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengiktiraf bahawa Rakyat diberi akses munasabah kepada Parlimen dan premisnya; seterusnya bahawa langkah-langkah diambil supaya Dewan Rakyat dijadikan tempat yang lebih menggalakkan penyertaan dan minat rakyat; membuat ketetapan bahawa Rakyat dan pertubuhan-pertubuhan NGO dibenarkan penggunaan munasabah akan kemudahan di Parlimen termasuk untuk mengadakan sidang akhbar di lobi Parlimen dan bahawa rakyat tidak dipaksa menurut sebarang kod pakaian semasa berada di Dewan Rakyat atau premisnya."

(Perdana Menteri)

25. PR-1311-U55045

Tuan Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat timbang semula keputusan Tuan Timbalan Yang Dipertua berkenaan dengan perkara Peraturan Mesyuarat pada 1hb Julai 2013 iaitu keputusan Mahkamah dalam kes kematian dalam tahanan polis A.Kugan tidak boleh disebutkan menurut Peraturan Mesyuarat 36(2) atas alasan bahawa ianya berada di bawah timbangan Mahkamah (*subjudice*)."

(Perdana Menteri)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

| <u>TAHUN 2013</u> | <u>RISALAT/DOKUMEN</u> | <u>TARIKH DIBENTANGKAN</u> |
|------------------------------|--|---------------------------------------|
| ST.31 | Laporan Tahunan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan Bagi Tahun 2011 dan 2012 | 18 Julai 2013 |
| CMD.22 | Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Bagi Tahun 2012 | 18 Julai 2013 |